

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TARIKH : 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bagaimanakah Kementerian memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam pengangkutan termasuk penggunaan sistem pengangkutan pintar. Apakah langkah yang diambil untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam pengurusan pengangkutan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030, telah mengambil kira fokus mengoptimum penggunaan infrastruktur pengangkutan sedia ada melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam sektor pengangkutan. Kementerian ini telah menyasarkan tranformasi pendigitalan dalam sistem pengangkutan negara demi kesejahteraan rakyat dan meningkatkan produktiviti.

2. Antara inisiatif-inisiatif pendigitalan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MOT melalui Jabatan dan Agensi di bawah MOT adalah:

- i. Pendigitalan perkhidmatan pelesenan seperti **MyJPJ** bagi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan **Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan – i-SPKP** bagi Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

MyJPJ telah diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan JPJ secara digital dan tanpa tunai (*cashless*) secara atas talian termasuk menggunakan aplikasi telefon pintar. MyJPJ membolehkan rakyat memperbaharui Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM) dan Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM) dengan mudah, pantas dan berkesan tanpa perlu beratur panjang untuk berurusan di kaunter JPJ.

Melalui sistem i-SPKP pula, APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak telah menyediakan sistem permohonan dan semakan pelesenan secara atas talian sepenuhnya. Pada masa yang sama, pelaksanaan sistem i-SPKP ini juga dapat memendekkan tempoh proses kelulusan pelesenan secara drastik. Sebagai contoh, proses kelulusan permohonan baharu

kenderaan barangan dipendekkan daripada 30 hari bekerja sebelum ini kepada 14 hari. Sistem yang menawarkan perkhidmatan atas talian secara *end-to-end* ini memberi manfaat kepada industri dari sudut *ease of doing business*. Sehingga 3 Disember 2024, sebanyak 43,957 syarikat pengendali/pelesen telah mendaftar di dalam sistem serta telah merekodkan 178,504 transaksi melibatkan pelbagai permohonan pelesenan.

- ii. Bagi sektor logistik, pelaksanaan **Malaysia Maritim Single Window (MMSW)** yang merupakan satu projek infrastruktur digital iaitu pembangunan tettingkap tunggal bagi tujuan fasilitasi pengangkutan dan perdagangan sektor logistik maritim berupaya untuk memperkemas urusan antara komuniti perdagangan dan pengangkutan dengan *Other Government Agencies* (OGA) dan *Permit Issuing Agencies* (PIA). Pembangunan MMSW dibuat secara berfasa dengan Fasa 1 pembangunan melibatkan modul *Ship Clearance System* (SCS) telah siap dibangunkan pada 10 Jun 2024. Sistem ini telah mula beroperasi di pelabuhan Semenanjung Malaysia dan kini sedang diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Kemajuan projek MMSW sehingga 25 November 2024 adalah 79%. Peluasan MMSW ini dijangka mencapai 100% pada 31 Disember 2024.
- iii. Melalui Prasarana Malaysia Berhad, pelaksanaan **Open Payment System** sedang diusahakan bagi tujuan menambah baik sistem tiket sedia ada dengan membolehkan pelbagai jenis tiket medium alternatif seperti Mydebit, Kad Kredit dan QR digunakan di semua laluan di bawah perkhidmatan rel (Kelana Jaya, Ampang, Monorail, Kajang, Putrajaya dan Shah Alam) dan perkhidmatan bas (Rapid KL, Rapid Kuantan, Rapid Penang, Laluan BRT Sunway dan Bas Perantara MRT). Proses tender terbuka bagi projek ini sedang dijalankan oleh pihak Prasarana dan pelaksanaannya dijangka mengambil masa selama 24 bulan untuk siap sepenuhnya.

Selain itu, pelaksanaan ***Journey Planner – PULSE*** direka untuk menyediakan data maklumat bas dan rel pengangkutan awam bagi meningkatkan pengalaman perjalanan. Aplikasi ini mempunyai fungsi seperti penjejak bas masa nyata, maklumat stesen, notifikasi perkhidmatan, dan banyak lagi untuk menyokong perancangan perjalanan yang lebih efisien. Selain RapidRail dan RapidBus, aplikasi perancangan perjalanan ini juga telah mengintegrasikan maklumat transit KTM dan ERL, dan akan terus memperluaskan perkongsian maklumat dan data dengan lain-lain operator pengangkutan awam melalui SelGDX dan *data.gov open data*.

- iv. Bagi sektor udara pula, pendigitalan di lapangan-lapangan terbang sedia ada dan yang dinaik taraf bagi meningkatkan kecekapan pengendalian penumpang yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - a) Penggunaan sistem ***Airport Collaborative Decision Making (ACDM)*** bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi lapangan terbang melalui pengintegrasian sistem maklumat, komunikasi dan operasi pelbagai pihak seperti pengendali lapangan terbang, syarikat penerbangan, *Ground Handlers* dan kawalan trafik udara. Sistem ini telah diguna pakai sejak bulan November 2024 setelah melalui proses ujian selama hampir setahun. Sistem ini mampu untuk mengoptimumkan penggunaan sumber seperti landasan penerbangan, pemakiran pesawat dan penggunaan peralatan dan jentera bagi mengendalikan sesebuah pesawat dan penerbangan. Selain itu, sistem ini dapat menyumbang dalam inisiatif kerajaan untuk mencapai zero karbon (*Zero Carbon*) menjelang 2050.
 - b) Pengenalan **kios daftar masuk layan diri** (*self service check-in kiosk*) dan kios meletak bagasi layan diri (*self-service bag drop*) bagi memudahkan penumpang yang layak menggunakan kemudahan ini. Kedua-dua kemudahan ini

akan dapat mempercepat proses daftar masuk penumpang dan mengurangi kesesakan di kaunter;

- c) Pelaksanaan **Projek *Facial Recognition* atau “EZ-Paz”** untuk melancarkan proses semakan pra-sekuriti dan proses menaiki pesawat yang seterusnya mempercepat pergerakan penumpang menaiki pesawat; dan
- d) Pengenalan ***autogate*** bagi mempercepat proses saringan imigresen.

Sekian, terima kasih.